

Pindah pusara dua wira dari Singapura ke Perak bermula

TAIPING 5 Sept. - Segala persiapan untuk menggali dan memindahkan jasad dua pahlawan negara yang terbabit menentang penjajahan Inggeris pada abad ke-19 dari Singapura ke Perak, telah diserahkan kepada sebuah syarikat milik Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Syarikat Warees Investments Pte. Ltd. akan melaksanakan kerja-kerja itu Rabu ini bagi pihak Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara Malaysia.

Pusara Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim terletak di Tanah Perkuburan Al-Junid, Jalan Kubor manakala pusara bapa mertuanya Laksamana Mohd Amin Alang terletak di Pusara Aman, Chua Chu Kang.

Warta Kerajaan Singapura Edisi Elektronik yang pertama kali diterbitkan pada 11 Ogos lepas menyebut Warees Investments Pte Ltd ditubuhkan pada 2001 untuk mengurus dan membangunkan hartanah milik MUIS secara berkesan dan profesional dan pada masa sama meneroka peluang lebih mencabar di dalam dunia korporat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pelancongan Negeri Perak, Datuk Mohd. Radzi Manan baru-baru ini berkata, urusan membawa pulang jasad dua pembesar Melayu itu

Urusan membawa pulang jasad dua pembesar Melayu itu hanya akan dilakukan selepas ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dilakukan

hanya akan dilakukan selepas ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dilakukan.

Beliau berkata, segala perbelanjaan untuk membawa pulang dan menguburkan semula kedua-dua jasad pahlawan itu, akan ditanggung kerajaan negeri.

Katanya, kedua-dua jasad itu akan dibawa dengan kapal KD Laksamana ke Pangkalan TLDM Lumut pada Khamis ini jika ujian DNA itu positif mempunyai pertalian dengan waris masing-masing di Perak.

Sambutan penuh istiadat dan penghormatan negara akan diadakan di pangkalan itu oleh ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara sebaik saja kedua-dua jasad berkenaan tiba di pangkalan itu pada hari Sabtu.

Keranda yang membawa jasad Ngah Ibrahim kemudian akan dibawa ke Taiping untuk disemadikan di Kompleks Muzeum Matang, manakala keranda yang membawa jasad Mohd Amin akan dibawa

MOHD. RADZI MANAN
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pelancongan Negeri Perak

ke Kuala Kangsar untuk dikebumikan di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan, bersebelahan pusara Sultan Abdullah yang bersama mereka dalam penentangan terhadap penjajah Inggeris.

Rancangan memindahkan kedua-dua jasad yang telah bersemadi sejak lebih seabad yang lalu di dua tanah perkuburan di Singapura itu bermula sejak 2004 apabila pelbagai pihak mendapati jasa dan pengorbanan mereka kian dilupakan generasi hari ini.

Ngah Ibrahim, Mohd Amin dari Sultan Abdullah yang memerintah Hilir Perak adalah di antara beberapa pahlawan yang dikaitkan dengan pembunuhan Residen Inggeris pertama di Perak, J. W. W. Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875.

Ngah Ibrahim, Mohd Amin dan Sultan Abdullah telah dibuang negeri ke Pulau Seychelles pada tahun 1877 bersama-sama Datuk Syahbandar Uda Maamor.

- Bernama



KAKITANGAN Jabatan Arkeologi Malaysia bersama rakan sejawat mereka dari Singapura membuat persediaan bagi menggali kubur Ngah Ibrahim di Pusara Al-Junied di republik itu untuk dibawa pulang bagi disemadikan semula di Perak.